

Tinjauan Terhadap Pandangan Ulama Sebelum Ibn Taimiyyah Tentang Hukum Istighāthah Kepada Makhluq

[Pre-Ibn Taymiyyah Scholarly Perspectives on the Ruling of Istighāthah to Creatures]

Luqmanul Hakim Bin Muhamad Jamil (*Corresponding author*)

*Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ),
02600 Perlis, Malaysia. luqmannulhakimmuhamadjamil@gmail.com*

Basri Bin Ibrahim

*Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ),
02600 Perlis, Malaysia. basri@unisiraj.edu.my*

Mohd Aizul Bin Yaakob

*Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ),
02600 Perlis, Malaysia. aizulyaakob@unisiraj.edu.my*

*Article
Progress:*

*Submission date:
20-05-2025
Accepted date:
20-06-2025*

ABSTRACT

This article discusses the views of scholars before Ibn Taymiyyah who considered the act of istighāthah (seeking help) from created beings especially in matters that belong only to Allah as an act of shirk (associating partners with Allah). It was written to respond to the claim that the ruling of shirk or kufr on this practice was first introduced by Ibn Taymiyyah. This study shows that many scholars before him had already ruled such acts as shirk or kufr based on the principles of tawhid and the prohibition of praying to or worshipping created beings in matters that are the exclusive right of Allah. The study also explains how these scholars defined the limits of istighāthah that lead to shirk, and lists several major scholars with brief references to their statements and sources.

Keywords: *Istighathah, Syirik, Ulama, Tauhid, Ibn Taimiyyah*

PENDAHULUAN

Perbahasan mengenai amalan *istighāthah* kepada makhluk khususnya para nabi dan orang-orang soleh sama ada yang hidup atau yang meninggal dunia terus menjadi polemik dalam wacana agama Islam sehingga hari ini. Sebahagian golongan mendakwa perbuatan menyeru dan meminta pertolongan daripada makhluk dalam perkara khusus bagi Allah SWT adalah satu bentuk

kesyirikan, manakala sebahagian lain pula mempertahankannya sebagai bentuk tawassul kepada orang soleh yang dibenarkan oleh syarak.

Di tengah-tengah pertentangan ini, muncul dakwaan bahawa pendirian yang menganggap *istighāthah* kepada orang soleh yang telah meninggal dunia sebagai syirik besar hanyalah bidaah Ibn Taimiyyah. Mereka mendakwa beliau adalah tokoh pertama yang menentang amalan ini dan menetapkan hukum sedemikian. Dakwaan ini menimbulkan persepsi bahawa pandangan Ibn Taimiyyah bersifat ekstrim dan tidak berakar daripada warisan keilmuan Islam terdahulu.

Justeru artikel ini ditulis sebagai respons terhadap dakwaan tersebut dengan tujuan membuktikan bahawa sebelum Ibn Taimiyyah, telah wujud ramai ulama samada dari aliran *Ahl al-Hadith* atau pun *Asya'irah* yang menghukum syirik atau kufur terhadap perbuatan tersebut. Selain membawakan pandangan ulama-ulama tersebut, artikel ini juga akan menjelaskan konsep *istighāthah* serta hubungannya dengan doa, seterusnya menghuraikan garis panduan para ulama dalam menetapkan hukum syirik kepada amalan meminta tolong kepada selain Allah.

SOROTAN KAJIAN

Nur Hidayat Muhammad, mewakili Ahli Sunnah Research Group (ARG), telah menghasilkan sebuah karya yang secara khusus membahaskan isu *istighāthah* dan mempertahankan keharusannya, bertajuk *Istighāthah dari Perspektif Ahli Sunnah Wal Jamaah* (Muhammad, 2023). Kajian ini ditulis sebagai respons terhadap dakwaan kelompok yang dikaitkan dengan aliran Wahabi Salafi, yang menurut beliau cenderung menghukum kafir terhadap amalan *istighāthah*. Penulis menghuraikan maksud serta kaedah pensabitan hukum terhadap *istighāthah* sebagaimana difahami dalam tradisi ulama tasawuf serta golongan yang mengikuti pendekatan Asy'ariyyah dan Māturīdiyyah dalam akidah.

Seterusnya, beliau mengemukakan pandangan ulama salaf dan khalaf yang didakwa oleh penulis telah membenarkan amalan *istighāthah* kepada makhluk, dan ini menurutnya bertentangan dengan pandangan Salafi Wahabi yang menganggapnya sebagai perbuatan syirik. Pada bahagian akhir buku, penulis menyertakan analisis terhadap beberapa syubhah yang dikemukakan oleh golongan Salafi Wahabi seperti isu pembahagian tauhid kepada tiga kategori, takrif tauhid rububiyah dan ulūhiyyah, konsep doa dan perbezaannya dengan seruan (*nidā'*), serta dakwaan bahawa *istighāthah* termasuk dalam kekufuran akbar. Beliau cuba membuktikan hujah-hujah beliau disokong dengan pandangan sebahagian ulama salaf dan khalaf.

Selain itu, satu kajian berbentuk artikel jurnal bertajuk *Tawassul dan Istighāthah dengan Nabi Muhammad dalam Amalan Mawlid Barzanji* telah dihasilkan oleh sekumpulan penyelidik iaitu Arieff Salleh Rosman, Zulkiflee Haron, Juhazren Junaidi, Farahwahida Mohd Yusuf, Mohd Syukri Yeoh Abdullah, dan Zuraini Mashrom (Rosman et al., 2018). Artikel ini bertujuan mempertahankan amalan *tawassul* dan *istighāthah* kepada Nabi Muhammad SAW yang diamalkan dalam konteks sambutan Maulid Nabi dan pembacaan *Mawlid al-Barzanji* dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Kajian ini dijalankan bagi merungkai polemik yang timbul ekoran tuduhan syirik dan kufur terhadap amalan tersebut. Justeru, artikel ini menganalisis hujah-hujah yang dibangkitkan berkenaan isu *tawassul* dan *istighāthah* dalam tradisi mawlid serta membandingkan perbezaan pandangan ulama mengenainya.

Basri Ibrahim pula ada menulis karya bertajuk *Kemunculan Golongan Quburiyah di Yaman & Usaha Ulama Untuk Mengatasinya* (Ibrahim, 2022) yang diterbitkan oleh Manhaj Clear. Buku ini membincangkan fenomena quburiyyah yang tersebar luas di kawasan perkuburan, khususnya di Hadramaut, Yaman. Melalui pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen, penulis meneliti isu ibadah di perkuburan termasuklah amalan *istighāthah* oleh sebahagian tarekat sufi di wilayah tersebut.

Penulis memulakan perbincangan dengan menghuraikan bentuk-bentuk ziarah kubur dari sudut hukum syarak sama ada yang dibenarkan, termasuk bidaah, atau yang membawa kepada syirik. Seterusnya, beliau menerangkan implikasi akidah quburiyyah berpandukan dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah yang melarang pengagungan terhadap kubur. Kronologi perkembangan fenomena ini turut dibentangkan, dari peringkat umum hingga ke konteks tempatan di Yaman. Di samping itu, penulis mengetengahkan peranan segelintir tokoh sufi yang menyumbang kepada penyebaran amalan-amalan ini. Beberapa aliran tarekat yang didakwa terlibat dalam menyeru kepada perbuatan memohon hajat kepada para wali yang telah wafat juga dinamakan. Buku ini diakhiri dengan penegasan pandangan para ulama berpegang teguh kepada manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang secara konsisten menolak amalan tersebut.

Dalam karya susulannya bertajuk *Analisis Hujah Ahli Sufi Hadramaut Tentang Tauhid, Ibadah, Doa, Syafaat, Istighāthah dan Tawassul* (Ibrahim, 2023), Basri Ibrahim menyampaikan kritikan terhadap hujah-hujah yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh sufi Hadramaut dalam mempertahankan amalan yang dikategorikan sebagai bidaah berkaitan persoalan tauhid dan ibadah. Menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen, penulis membahaskan

secara sistematis definisi, jenis, dan hukum berkaitan enam isu utama iaitu tauhid, ibadah, doa, syafaat, istighāthah dan tawassul menurut perspektif golongan tersebut.

Setiap hujah tersebut dianalisis secara kritikal, disusuli dengan bantahan berdasarkan prinsip akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Hasil akhir kajian ini menyimpulkan bahawa hujah-hujah yang dikemukakan oleh golongan sufi Hadramaut dalam isu-isu tersebut bertentangan dengan manhaj salaf yang berteraskan tauhid yang murni.

METODOLOGI

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif kepustakaan (library research) yang menumpukan kepada pengumpulan dan penganalisan data secara tekstual terhadap karya-karya ulama terdahulu sebelum zaman Ibn Taimiyyah. Data utama diperoleh daripada sumber primer seperti *Ma'ālim al-Sunan* oleh al-Khaṭṭābī, *Laṭā'if al-Ishārāt* oleh al-Qushayrī, *Talbīs Iblīs* oleh Ibn al-Jawzī (yang menukil pandangan Ibn 'Aqīl), *al-Faṭḥ al-Rabbānī* oleh al-Jīlānī, *al-Tafsīr al-Kabīr* oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Bā'ith 'alā Inkār al-Bida'* oleh Abū Syāmah dan *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān* oleh al-Qurṭubī. Data sekunder turut dirujuk daripada buku-buku moden, artikel jurnal dan penulisan kontemporari bagi menyokong analisis dan membandingkan kefahaman semasa terhadap isu *istighāthah*.

Dalam proses analisis data, penulis menggunakan beberapa pendekatan berikut:

1. Kaedah induktif, iaitu merumuskan kesimpulan umum berdasarkan dapatan khusus daripada kenyataan para ulama yang mengaitkan perbuatan doa dan *istighāthah* kepada makhluk dengan bentuk kesyirikan terhadap Allah SWT.
2. Kaedah deduktif, iaitu memulakan analisis daripada kaedah asas akidah seperti definisi ibadah, prinsip tauhid ibadah dan hukum doa kepada selain Allah, kemudian menilai sejauh mana sesuatu amalan seperti *istighāthah* tergolong dalam bentuk syirik besar.
3. Kaedah tematik dan komparatif, iaitu menstrukturkan dapatan berdasarkan dua pendekatan besar para ulama dalam menilai syirik pada *istighāthah*: pendekatan umum dan pendekatan kenyataan yang jelas. Penulis turut membuat perbandingan kronologikal antara pandangan para ulama dengan pendirian Ibn Taimiyyah bagi membuktikan kesinambungan metodologi dan bukan sebaliknya.

Penulis juga merujuk kepada definisi bahasa dan istilah syarak bagi istilah-istilah seperti *du'ā'*, *istighāthah* dan *isti'ādhaḥ*, dengan berpanduan kepada tokoh seperti Ibn Fāris, Ibn

Manzūr dan Ibn Taimiyyah sendiri. Penjelasan ini penting untuk menilai hubungan makna antara ketiga-tiga istilah serta batas penggunaannya dalam kerangka tauhid.

Selain itu, pendekatan analisis isi kandungan (content analysis) turut digunakan untuk mengenal pasti corak hujah dan prinsip akidah yang dikemukakan oleh para ulama dalam setiap pandangan mereka terhadap larangan *istighāthah* kepada makhluk. Pandangan tersebut kemudiannya diklasifikasikan mengikut kurun dan aliran, lalu disusun untuk menunjukkan kewujudan *precedent* keilmuan sebelum Ibn Taimiyyah yang telah pun menghukum syirik terhadap perbuatan tersebut.

Keseluruhannya, metodologi kajian ini membolehkan penulis membuktikan secara akademik bahawa pandangan Ibn Taimiyyah dalam menghukum *istighāthah* kepada makhluk dalam perkara khusus bagi Allah SWT sebagai syirik, sebenarnya berakar kukuh dalam warisan keilmuan para ulama terdahulu, dan bukan merupakan pandangan baharu atau terpendil dalam sejarah akidah Islam.

DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

DAKWAAN IBN TAIMIYYAH TOKOH PERTAMA YANG MENGHUKUM ISTIGHĀTHAH SEBAGAI SYIRIK

Isu hukum perbuatan *istighāthah* kepada makhluk dalam perkara ketuhanan iaitu pada perkara yang menjadi hak khusus bagi Allah SWT seperti menyelamatkan daripada musibah, mengabulkan doa, atau memberi rezeki telah menjadi perbahasan panjang dalam kalangan ilmuwan Islam yang terkemudian. Antara kritikan yang sering berulang dalam wacana kontemporari ialah Ibn Taimiyyah dikatakan tokoh pertama yang melarang atau mengemukakan hukum syirik ke atas amalan tersebut, sekaligus mewakili satu pendekatan yang dianggap baharu, kontroversi dan didakwa terputus daripada konsensus para ulama terdahulu.

Dakwaan ini dapat dikesan dalam pelbagai sumber yang mendukung pandangan keharusan bertawassul dan *istighāthah* kepada orang soleh yang telah meninggal dunia. Misalnya, Muhammad Zaki Ibrahim (Ibrahim, 2004:7) menyatakan bahawa tiada perbezaan pendapat langsung dalam kalangan salaf mengenai keharusan bertawassul (yang dimaksudkan *istighathah*) dengan orang mati, dan bahawa perselisihan tentang isu ini hanya muncul pada abad ketujuh Hijrah setelah Ibn Taimiyyah mencetuskan perbalahan mengenainya. Bahkan Muhammad al-Subḥānī (al-Tijani, 2006:126) menyatakan secara tegas bahawa sepanjang empat belas abad

hanya Ibn Taimiyyah dan pengikut-pengikutnya yang muncul dengan pengingkaran terhadap amalan *istighāthah* kepada orang mati. Begitu juga al-Haddād (al-Haddād, 2014:54) mengatakan bahawa hanya Ibn Taimiyyah yang menolak amalan tersebut dan menyifatkannya sebagai tidak dibenarkan dalam Islam.

Antara tokoh yang paling lantang menolak pendirian Ibn Taimiyyah ialah Taqiuddin al-Subki (al-Subki, 2008:357). Dalam kitabnya *Shifā' al-Saqām fi Ziyārah Khayr al-Anām*, beliau mendakwa bahawa tiada seorang pun daripada kalangan penganut agama Islam yang mengingkari keharusan bertawassul dan *istighāthah* kepada Nabi SAW. Katanya, amalan tersebut telah diamalkan oleh para nabi, para salaf yang soleh, para ulama dan orang awam. Beliau menyatakan bahawa hanya setelah kedatangan Ibn Taimiyyah, barulah muncul penafian terhadap amalan tersebut, bahkan beliau menyatakan Ibn Taimiyyah telah mengada-adakan satu perkara yang belum pernah diperkatakan oleh sesiapa pun sebelum itu.

Nada yang lebih jelas disuarakan oleh Muhsin al-ʿĀmilī (Amin, M. n.d:228), dalam karyanya *Kashf al-Irtiyāb fi Atbā' Muḥammad ibn ʿAbd al-Wahhāb*. Beliau menyifatkan bahawa perbuatan berdoa dan *istighāthah* kepada selain Allah, yang dianggap sebagai penyebab kepada syirik dan kekufuran, adalah pandangan yang diasaskan oleh Ibn Taimiyyah dan diwarisi oleh gerakan Wahhabi.

Semua kenyataan ini menunjukkan adanya nada kritikan yang konsisten dalam mendakwa Ibn Taimiyyah melarang amalan *istighāthah* ini atau pencetus hukum syirik terhadapnya. Pandangan ini menimbulkan persoalan tentang keselarasan antara pendapat Ibn Taimiyyah dan warisan ilmiah para ulama sebelumnya. Namun begitu, dakwaan ini perlu diteliti secara objektif, adil dan disemak secara ilmiah. Soalan pokok yang mesti dijawab ialah: adakah benar tiada seorang pun ulama sebelum Ibn Taimiyyah yang menegaskan larangan *istighāthah* kepada makhluk dalam perkara yang hanya layak bagi Allah, atau bahkan menghukumnya sebagai syirik dan kufur?

Bahagian seterusnya dalam artikel ini akan menjawab persoalan tersebut secara tuntas dengan menjelaskan konsep *istighāthah*, lalu membahaskan garis panduan penetapan syirik oleh para ulama dalam isu ini dan seterusnya membentangkan pandangan beberapa tokoh ulama terdahulu sebelum zaman Ibn Taimiyyah.

KONSEP ISTIGHATHAH

Perbahasan mengenai *istighāthah* iaitu amalan memohon pertolongan ketika dalam kesulitan tidak dapat berdiri sendiri tanpa terlebih dahulu memahami konsep doa dalam kerangka akidah Islam. Hal ini kerana *istighāthah* secara istilah merupakan salah satu cabang daripada doa permintaan (*du‘ā’ al-mas‘alah*) dan berkait rapat dengan prinsip tauhid iaitu ketundukan dan pengabdian kepada Allah semata (al-‘Umayri, 2022.2:115). Justeru, sebelum menilai sama ada sesuatu bentuk *istighāthah* dibenarkan atau dilarang, kefahaman yang sahih dan menyeluruh tentang definisi, jenis dan maksud doa perlu dijelaskan terlebih dahulu.

DEFINISI DOA DAN PEMBAHAGIANNYA

Dari sudut bahasa, doa berasal daripada akar kata دعا - يدعو - دعاء yang membawa makna menyeru, memohon dan meminta (Ibn Faris, 1979.3:279). Para ulama bahasa seperti Ibn al-‘Arabi (Ibn al-‘Arabi, 1996.2:815) menyatakan bahawa erti asal doa ialah permintaan secara umum. Selain itu, dalam penggunaan al-Quran, doa turut bermaksud ibadah. Ini berdasarkan firman Allah:

﴿وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ﴾

Terjemahan:

"Dan Tuhanmu berfirman: Berdoalah kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan untuk kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong daripada beribadah kepada-Ku akan masuk ke dalam neraka Jahannam dalam keadaan hina."

(Al-Quran, Surah Ghāfir (40):60)

Ayat ini mengisyaratkan bahawa *doa* bukan sekadar permintaan secara lafaz, tetapi juga mencakupi seluruh bentuk ibadah yang berasaskan ketundukan kepada Allah. Justeru, para ulama membahagikan maksud doa kepada dua kategori utama (Ibn Taimiyyah, 2015.10:237):

1. Doa ibadah (*du‘ā’ al-ibādah*): Ia merangkumi seluruh amalan ibadah seperti solat, puasa dan zikir, yang secara tidak langsung mengandungi unsur permohonan.
2. Doa permintaan (*du‘ā’ al-mas‘alah*): Ia adalah permintaan secara lafaz terhadap sesuatu hajat seperti rezeki, kesembuhan dan perlindungan.

Menurut Ibn Taimiyyah (Ibn Taimiyyah, 2015.10:239), kedua-dua bentuk doa ini saling berkait dan tidak terpisah. Setiap ibadah pada hakikatnya adalah doa permintaan dan setiap doa permintaan pula adalah ibadah kerana mengandungi unsur penghinaan diri dan ketundukan

kepada Allah SWT. Firanda Andirja (Andirja, 2021.1:318) menegaskan bahawa semua bentuk doa, sama ada ibadah atau permintaan, mesti ditujukan hanya kepada Allah. Ini sejajar dengan ayat:

﴿إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ﴾

Terjemahan:

"Hanya kepada-Mu kami sembah, dan hanya kepada-Mu kami mohon pertolongan"

(Al-Quran, Sūrah al-Fātiḥah (1):5)

DEFINISI *ISTIGHĀTHAH* DAN HUBUNGANNYA DENGAN DOA

Dari segi bahasa, *istighāthah* berasal daripada kata kerja استغاث - يستغيث - استغاثة yang bermaksud meminta pertolongan secara terdesak dalam keadaan kesusahan besar (Ibn Manzur, 1993.10:139). Menurut Ibn Taimiyyah (Ibn Taymiyyah, 2015.1:103), istilah ini membawa makna khusus yang lebih kuat berbanding *isti'ānah*, iaitu permintaan pertolongan secara umum. Maka dari sudut istilah, *istighāthah* ialah permintaan secara langsung untuk menolak musibah atau mengangkat kesusahan yang telah menimpa seseorang (al-'Umayri, 2022.2:108).

Istighāthah secara istilah syarak termasuk dalam kategori doa permintaan. Maka prinsip umum yang digunakan dalam menilai keabsahan *istighāthah* hendaklah berpandukan kaedah dan hukum yang terpakai kepada doa permintaan.

PERBEZAAN ANTARA *ISTIGHĀTHAH* DAN *ISTI'ĀDZAH* SERTA HUBUNGANNYA DENGAN DOA

Antara bentuk doa permintaan selain *istighāthah* ialah *isti'ādzah*. Istilah *isti'ādzah* berasal daripada kata kerja Arab *'ādha - ya'ūdhu*, yang membawa makna memohon perlindungan serta bergantung kepada sesuatu demi keselamatan. Menurut Ibn Fāris (Ibn Fāris, 1979.4:183), akar huruf *'ain*, *wāw*, dan *dhāl* menyiratkan satu makna asas, iaitu permohonan perlindungan. Dari sudut istilah syarak pula, *isti'ādzah* merujuk kepada tindakan meminta perlindungan daripada pihak yang berkuasa untuk menolak keburukan daripada menimpa seseorang (al-'Umayrī, 2022.2:143).

Apabila diteliti definisi istilah-istilah ini, jelas bahawa *doa*, *istighāthah*, dan *isti'ādzah* mempunyai hubungan rapat dari segi makna kerana kesemuanya berteraskan permohonan.

Namun, terdapat perbezaan khusus antara ketiganya. Dari segi linguistik, penggunaan huruf *sīn* dan *ā'* dalam struktur kata kerja tiga huruf menunjukkan makna permintaan atau pengharapan terhadap sesuatu (Ibn Taymiyyah, 1426H:41).

Dalam konteks ini, jika permohonan itu bertujuan mengelakkan keburukan sebelum ia berlaku, maka ia dinamakan *isti'ādzah* iaitu permintaan perlindungan. Sebaliknya, jika ia bertujuan menghilangkan keburukan yang sedang dialami atau telah berlaku, maka ia disebut *istighāthah* iaitu permintaan pertolongan. Kedua-dua bentuk ini secara asasnya merupakan cabang daripada jenis-jenis doa yang bertujuan untuk meminta sesuatu. Maka dengan itu, konsep doa meliputi makna yang lebih luas berbanding *istighāthah* dan *isti'ādzah*. Setiap *istighāthah* dan *isti'ādzah* adalah termasuk dalam kategori doa, namun tidak setiap doa tergolong sebagai *istighāthah* atau *isti'ādzah* (al-'Umayrī, 2022.2:109).

PEMBAHAGIAN *ISTIGHĀTHAH* YANG DIBENARKAN DAN DILARANG

Para ulama membezakan antara *istighāthah* yang dibolehkan dengan *istighāthah* yang dilarang (Ibn Taimiyyah, 1426H:41):

1. *Istighāthah* yang dibolehkan:

- a. Kepada Allah SWT: Inilah bentuk *istighāthah* yang paling sahih dan utama dalam Islam. Allah berfirman:

﴿إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَبْ لَكُمْ أَنِّي مُبْدِئُكُمْ بِالْفِ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ مُرْدِّفِينَ﴾

Terjemahan:

“Ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhan kamu, lalu itu dikabulkan-Nya untuk kamu, “Sungguh, Aku akan mendatangkan bantuan kepadamu dengan seribu malaikat yang datang berturut-turut.”

(Al-Quran, Sūrah al-Anfāl (8):9)

- b. Kepada makhluk yang hidup, hadir, dan mampu secara adat. Seperti kisah seorang dari Bani Israil meminta pertolongan daripada Nabi Musa yang hidup dan berada di sisinya:

﴿وَدَخَلَ الْمَدِينَةَ عَلَىٰ حِينِ غَفْلَةٍ مِّنْ أَهْلِهَا فَوَجَدَ فِيهَا رَجُلَيْنِ يَقْتَتِلَانِ هَٰذَا مِنْ شِيعَةِ هَٰذَا وَهَٰذَا مِنْ عَدُوِّهِ فَاسْتَغَاثَهُ الَّذِي مِّنْ شِيعَتِهِ عَلَى الَّذِي مِّنْ عَدُوِّهِ فَوَكَرَهُ مُوسَىٰ فَقَضَىٰ عَلَيْهِ قَالَ هَٰذَا مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ عَدُوٌّ مُّضِلٌّ مُّبِينٌ﴾

Terjemahan:

“Dan dia Musa masuk ke kota ketika penduduknya sedang lengah, maka dia mendapati di dalam kota itu dua orang laki-laki sedang bergaduh; yang seorang dari golongannya Bani Israil dan yang seorang lagi dari pihak musuhnya kaum Fir'aun. Orang yang dari golongannya meminta pertolongan kepadanya, untuk mengalahkan orang yang dari pihak musuhnya, lalu Musa meninjunya, dan matilah musuhnya itu. Dia Musa berkata, ‘Ini adalah perbuatan syaitan. Sungguh, syaitan itu adalah musuh yang menyesatkan’.”

(Al-Quran, Sūrah al-Qaṣaṣ (28):15)

2. *Istighāthah* yang dilarang:

Menurut Sultan al-‘Umayri (al-Umairi, 2022.2:146), larangan *istighāthah* kepada makhluk dibahagikan mengikut peringkat:

- a. Makruh: Meminta sesuatu daripada orang yang hidup, hadir, dan mendengar, pada perkara yang dia mampu lakukan, tetapi dalam keadaan tiada keperluan atau tiada darurat.
- b. Haram: Meminta sesuatu daripada orang yang hidup, hadir dan mendengar, perkara yang ia mampu lakukan, tetapi dalam keadaan menzahirkan kemuncak kerendahan diri dan ketundukkan kepada makhluk tersebut, namun tidak mencapai maksud dan martabat ibadah.
- c. Syirik: Meminta sesuatu yang melibatkan penisbahan sifat-sifat yang khusus bagi Allah kepada pihak yang diminta, sama ada pihak yang diminta itu masih hidup atau telah mati.
- d. Bidaah: Meminta sesuatu daripada makhluk dengan cara yang tidak pernah ditetapkan oleh syariat, seperti berdoa kepada orang yang mati di kubur mereka agar mereka meminta kepada Allah kebaikan buat orang yang berdoa. Ini merupakan salah satu bentuk syafaat yang dilarang.

Justeru, hubungan antara doa dengan *istighāthah* sangat erat dan tidak boleh dipisahkan. Setiap *istighāthah* adalah bentuk dari bentuk doa permintaan dan ia dinilai berdasarkan prinsip tauhid ibadah dan syarat-syarat dalam ibadah doa permintaan. Jika *istighāthah* ditujukan kepada Allah, ia termasuk ibadah yang paling utama. Jika ia ditujukan kepada makhluk maka hukumnya berbeza bergantung kepada konteks bagaimana ia diminta dan apa yang diminta.

Namun bentuk *istighathah* yang dibahaskan dalam kajian ini berfokus kepada *istighathah* kepada makhluk pada perkara khusus bagi Allah yang membawa kepada syirik besar dan kufur dalam akidah.

PENDEKATAN ULAMA DALAM MENGHUKUM *ISTIGHĀTHAH* KEPADA MAKHLUK DALAM PERKARA KHUSUS BAGI ALLAH SWT

Para ulama ahli sunnah waljamaah zaman berzaman boleh disimpulkan secara umum melarang amalan doa dan *isti'ana* kepada selain Allah dalam perkara khusus bagi Allah SWT. Malah sebahagian mereka menghukum amalan doa sama ada melalui jalan *isti'adzah* atau *istighathah* kepada makhluk pada perkara khusus bagi Allah SWT ini sebagai syirik besar. Penetapan hukum syirik besar ini dapat difahami melalui dua pendekatan (al-Umairi, 2022.2:151-152):

1. Pendekatan Umum. Ia terbahagi kepada beberapa bentuk:

- a. Apabila mereka membicarakan tentang bentuk-bentuk syirik besar yang dilakukan oleh orang-orang musyrik Arab, ramai dalam kalangan ulama sepanjang zaman menegaskan sebahagian besar orang-orang musyrik Arab tidaklah meyakini berhala mereka mampu memberi mudarat atau manfaat dengan sendiri tanpa izin Allah. Sebaliknya, mereka hanya meyakini berhala-berhala tersebut boleh mendekatkan mereka kepada Allah dan menjadi perantara yang menghubungkan mereka dengan Allah SWT.

Berdasarkan penjelasan ini, sesiapa yang berdoa kepada para nabi atau wali atau *istighathah* kepada mereka dalam perkara khusus bagi Allah, atas alasan mereka adalah perantara kepada Allah, pada hakikatnya dia telah melakukan perbuatan yang sama seperti yang dilakukan oleh kaum musyrikin dahulu. Ini secara tidak langsung dan tersirat perbuatan itu dihukum syirik atau kufur.

- b. Apabila para ulama berbicara mengenai hakikat doa itu sendiri, ramai daripada mereka menegaskan doa adalah ibadah yang paling mulia dan merupakan antara kedudukan ibadah yang paling tinggi.

Berdasarkan penjelasan ini, jika seseorang menyampaikan doa kepada selain Allah dalam keadaan doa itu merupakan satu bentuk ibadah yang merupakan hak khusus bagi Allah SWT, maka perbuatan itu membawa kepada syirik besar yang mengeluarkan seseorang daripada agama Islam. Malah tidak ada seorang pun yang berbeza pendapat bahawa ibadah itu tidak boleh ditujukan melainkan hanya kepada Allah semata-mata.

- c. Ketika para ulama berbicara mengenai hukum sihir, mereka banyak menegaskan antara perkara yang menyebabkan syirik dalam sihir ialah adanya unsur doa dan permintaan kepada bintang-bintang dan planet-planet, atau adanya bentuk pendekatan kepada sesuatu yang berada di langit tersebut melalui harapan dan permohonan.

- d. Ketika mereka membicarakan adab menziarahi kubur Nabi, para imam terdahulu bersepakat sesiapa yang memberi salam kepada Rasulullah SAW dan ingin berdoa untuk dirinya sendiri, dia hendaklah menghadap ke arah kiblat dan berdoa. Bukan menghadap ke arah kubur baginda SAW. Penegasan ini menunjukkan isyarat yang jelas larangan *istighathah* kepada baginda SAW.

Garis panduan ini merupakan satu kaedah yang boleh dijadikan asas untuk menilai pendapat para ulama terdahulu dalam isu *istighathah* dan berdoa kepada selain Allah SWT. Sudah maklum perbincangan para imam terdahulu secara khusus dan jelas tentang *istighathah* kepada selain Allah SWT adalah sedikit atau hampir tidak ada, kerana isu ini tidak menjadi polemik besar pada zaman mereka. Namun, mereka mempunyai penegasan umum dan maksud yang tersirat yang boleh dikenal pasti.

2. Dalam bentuk kenyataan yang jelas menyatakan berdoa kepada selain Allah SWT sama ada dalam bentuk *isti'ādah* (memohon perlindungan) atau *istighāthah* (memohon pertolongan) atau selainnya adalah penyebab kepada kufur dan syirik (al-Umairi, 2022.2:151-152).

Pandangan ulama menerusi kedua-dua pendekatan ini sangat banyak, malah mencecah ratusan pandangan dan fatwa. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada pandangan ulama dari kurun ketiga sehingga kurun ketujuh sahaja menerusi pendekatan kedua bagi membuktikan selain Ibn Taimiyyah yang menghukum amalan ini sebagai syirik dan kufur secara jelas, hakikatnya telah didahului oleh ulama-ulama muktabar sebelumnya. Justeru pengkaji akan membawakan pandangan ulama sebelum Ibn Taimiyyah tentang hukum meminta tolong dengan makhluk dalam perkara khusus bagi Allah SWT bagi membuktikan dakwaan ini. Pandangan yang dibawakan ini adalah pandangan para ulama terhadap amalan berdoa sama ada dalam bentuk permohonan, *isti'anah*, *isti'ādah* atau *istighāthah* di mana kesemua kalimah ini berkait rapat dari segi maksud dan berkongsi satu tujuan yang sama, iaitu meminta sesuatu dalam kerangka ibadah.

PANDANGAN ULAMA SEBELUM IBN TAIMIYYAH YANG MENGHUKUM SYIRIK ATAU KUFUR TERHADAP AMALAN BERDOA SAMA ADA MELALUI BENTUK ISTIGHATHAH ATAU ISTITI'ADZAH

Berikut adalah pandangan para ulama dari kurun ketiga sehingga kurun ketujuh sebelum Ibn Taimiyyah. Berbeza dengan dakwaan bahawa Ibn Taimiyyah merupakan pencetus pertama hukum syirik terhadap *istighāthah* kepada makhluk, realitinya sejumlah ulama muktabar telah

terlebih dahulu menetapkan bahawa meminta hajat dan pertolongan dalam perkara khusus bagi Allah SWT termasuk dalam bentuk syirik atau kufur yang bertentangan dengan tauhid. Dalam bahagian ini, akan dibentangkan pandangan-pandangan jelas daripada tokoh-tokoh besar di dalam sejarah yang secara tegas menyatakan hukum terhadap perbuatan tersebut.

1. Imam Abu Sulaiman al-Khattabi (w. 388H)

Imam al-Khaṭṭābī merupakan salah seorang ulama besar dalam mazhab Syafi'i dan ahli hadis yang terkemuka. Beliau hidup dalam lingkungan abad ke-4 Hijrah dan terkenal dengan karya *Ma'ālim al-Sunan*, syarah kepada Sunan Abi Dawud. Dalam membahaskan isu *isti'ādhah* (meminta perlindungan), beliau telah menegaskan bahawa perlindungan dan permohonan hanya boleh dilakukan kepada Allah dan bukan kepada makhluk. Tegasnya, *isti'ādhah* kepada makhluk adalah syirik yang bercanggah dengan tauhid. Kenyataan beliau ini merupakan antara pendirian jelas daripada ulama awal yang meletakkan batas terhadap permohonan kepada makhluk dalam perkara yang khusus bagi Allah SWT. Kata beliau:

وكان أحمد بن حنبل يستدل بقوله «بكلمات الله التامة» على أن القرآن غير مخلوق، وهو أن رسول الله صلى الله عليه وسلم لا يستعيز بمخلوق.

Terjemahan:

“Ahmad bin Hanbal berdalil dengan sabda Nabi ‘dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna’ bahawa al-Quran itu bukan makhluk, kerana sesungguhnya Rasulullah SAW tidak akan meminta berlindung dengan makhluk” (al-Khaṭṭābī, 1932.4:332).

Beliau juga berkata:

لا يستعاذ بغير الله أو صفاته، إذ كل ما سواه تعالى وصفاته مخلوق... والاستعاذة بالمخلوق شرك مناف لتوحيد الخالق لما فيه من تعطيل معاملته تعالى الواجبة له على عبده.

Terjemahan:

“Tidak diminta perlindungan kepada selain Allah atau selain sifat-sifat-Nya, kerana semua selain-Nya dan sifat-sifat-Nya adalah makhluk... Dan meminta perlindungan dengan makhluk adalah syirik yang menyalahi tauhid kepada al-Khāliq, kerana padanya terdapat pengabaian terhadap pengagungan dan ibadah yang wajib kepada-Nya oleh hamba-hamba-Nya.” (al-Shuraybīnī, 2011:225).

Beliau juga berkata:

ومعنى الدعاء: استدعاء العبد ربه عز وجل العناية واستمداده إياه المعونة، وحقيقته إظهار الافتقار إليه والتبرؤ من الحول والقوة، وهو سمة العبودية، واستشعار الذلة البشرية، وفيه معنى الثناء على الله عز وجل، وإضافة الجود والكرم إليه.

Terjemahan:

“Maksud doa ialah permintaan seorang hamba kepada Tuhannya yang Maha Mulia dan Maha Agung agar Dia memberi perhatian, dan permintaan agar Dia mengurniakan pertolongan. Hakikatnya adalah menzahirkan keperluan dan ketergantungan kepada-Nya, serta menafikan daya dan kekuatan diri sendiri. Ia adalah tanda kehambaan, dan perasaan hinanya manusia. Dalam doa juga terdapat makna pujian kepada Allah yang Maha Mulia dan Maha Agung, serta penyandaran sifat pemurah dan mulia kepada-Nya (al-Khaṭṭābī, 1992.1:4).

Ulasan dan analisis:

Kalam al-Khaṭṭābī di atas secara langsung menolak *isti'ādhah* yang merupakan salah satu dari bentuk permintaan kepada makhluk pada perkara yang khusus bagi Allah SWT. Beliau menyatakan dengan jelas bahawa meminta kepada selain Allah dalam bentuk *isti'ādhah* adalah syirik yang bertentangan dengan tauhid. Ini bersesuaian dengan pendekatan kedua yang telah dibahaskan sebelum ini, iaitu ulama yang secara tegas menyebut hukum syirik terhadap perbuatan tersebut.

Selain itu, definisi beliau terhadap *doa* juga memperkukuh kefahaman bahawa *doa* adalah bentuk ibadah yang paling tinggi, yang tidak boleh ditujukan melainkan kepada Allah semata-mata. Maka menunjukan *doa*, *isti'ādhah*, atau *istighāthah* kepada makhluk adalah pelanggaran terhadap hak Allah dalam ibadah.

Dengan ini pandangan al-Khaṭṭābī menjadi bukti pertama bahawa ulama jauh sebelum Ibn Taimiyyah telah pun menghukum perbuatan meminta daripada makhluk sebagai syirik, sekaligus menafikan dakwaan bahawa hukum ini dimulakan oleh Ibn Taimiyyah.

2. Abu al-Qāsim al-Qushayrī (w. 465H)

Abu al-Qāsim al-Qushayrī (al-Qushayrī, n.d.2:650) merupakan seorang tokoh besar yang terkenal dengan karya *al-Risālah al-Qushayriyyah* dan tafsirnya *Laṭā'if al-Ishārāt*. Meskipun beliau dikenali dalam bidang tasawuf, beliau tetap berpegang teguh kepada prinsip tauhid yang murni dan tidak membenarkan sebarang bentuk penyembahan kepada makhluk yang menyamai kedudukan dan hak Tuhan. Dalam tafsirnya terhadap ayat dalam Surah al-Furqān, beliau

menjelaskan makna syirik bukan hanya terhad kepada penyembahan berhala secara zahir, tetapi merangkumi kepercayaan ghaib terhadap makhluk sebagai pembawa manfaat dan mudarat. Firman Allah SWT:

﴿وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ وَلَا يَقْتُلُونَ النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَا يَزْنُونَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ يَلْقَ أَثَامًا﴾

Terjemahan:

“Dan orang-orang yang tidak menyeru tuhan lain bersama Allah, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah melainkan dengan hak, dan tidak berzina, dan sesiapa yang melakukan perkara itu akan menanggung dosa.”

Beliau berkata:

إِلَهًا آخَرَ: فِي الظَّاهِرِ عِبَادَةُ الْأَصْنَامِ الْمَعْمُولَةِ مِنَ الْأَحْجَارِ الْمُنْحَوْتَةِ مِنَ الْأَشْجَارِ وَكَمَا تَتَصَفَّ بِهَذَا
النفوس والأبشار فكذلك توهم المबार والمضار من الأغيار شرك.

Terjemahan:

“Tuhan lain: secara lahirnya merujuk kepada penyembahan berhala-berhala yang dibuat daripada batu yang dipahat atau kayu. Dan sebagaimana sifat ini boleh terkena pada jiwa dan manusia, maka begitu juga menganggap bahawa manfaat dan mudarat datang daripada selain Allah adalah syirik.”

Ulasan dan analisis:

Pandangan al-Qushayrī ini menjelaskan bahawa kesyirikan bukan hanya berpunca daripada perbuatan sujud atau sembahkan secara lahiriah sahaja, tetapi turut melibatkan isu batin, harapan ghaib dan permintaan dalam perkara yang tidak mampu dilakukan kecuali oleh Allah SWT. Oleh itu, tindakan menyeru atau berdoa kepada makhluk termasuk orang soleh yang telah meninggal dunia agar mendatangkan manfaat atau menolak bahaya dalam perkara yang berada di luar kemampuan manusia, adalah termasuk dalam bentuk syirik yang dibicarakan oleh beliau.

Penekanan beliau bahawa sekadar menyandarkan manfaat dan mudarat kepada makhluk sudah termasuk dalam syirik, menunjukkan ketelitian ulama terdahulu dalam memelihara tauhid ibadah tanpa mengira bentuk atau wasilah yang digunakan. Ini sejajar dengan prinsip tauhid yang telah dihuraikan dalam artikel ini dan disepakati oleh ramai ulama selepasnya.

Oleh itu, pandangan al-Qushayrī boleh disimpulkan sebagai satu penegasan terhadap kesucian ibadah dalam bentuk doa dan pengharapan, yang tidak boleh dipalingkan kepada selain

Allah dalam apa jua bentuk atau keyakinan sekaligus menolak amalan yang menjurus kepada pengagungan ghaib terhadap makhluk.

3. Ibn ‘Aqil al-Ḥanbalī (w. 513H)

Ibn ‘Aqil adalah seorang tokoh besar dalam mazhab Hanbali di Baghdad, terkenal dengan kecerdasan dan ketegasan dalam mempertahankan prinsip asas akidah Islam. Dalam karya yang dinukilkan oleh Ibn al-Jawzī dalam *Talbīs Iblīs*, beliau menyampaikan kritikan keras terhadap amalan kebiasaan masyarakat awam yang melampaui batas syariat dalam penghormatan kepada kubur dan orang mati. Lebih penting, beliau menghukum kufur secara jelas terhadap amalan *istighāthah* atau meminta hajat kepada orang mati, serta menganggap ia sebagai bentuk pencemaran terhadap ajaran Islam dan penyelewengan tauhid.

Beliau berkata:

لما صعبت التكاليف على الجهال والطغام عدلوا عن أوضاع الشرع إلى تعظيم أوضاع وضعوها لأنفسهم فسهلت عليهم؛ إذ لم يدخلوا بها تحت أمر غيرهم. قال: وهم كفار عندي بهذه الأوضاع مثل تعظيم القبور وإكرامها بما نهي الشرع عنه من إيقاد النيران وتقبيلها وتخليقها، وخطاب الموتى بالحوائج وكتب الرقاع فيها: يا مولاي افعل بي كذا وكذا، وأخذ التراب تبركا وإفاضة الطيب على القبور، وشد الرحال اليها وإلقاء الخرق على الشجر اقتداء بمن عبد اللات والعزى ولا تجدد في هؤلاء من يحقق مسألة في زكاة فيسأل عن حكم يلزمه، والويل عندهم لمن لم يقبل مشهد الكهف ولم يتمسح بأجرة مسجد المأمونية يوم الأربعاء ...

Terjemahan:

“Tatkala kewajipan-kewajipan agama menjadi sukar bagi orang-orang jahil dan golongan bawahan, mereka berpaling daripada syariat kepada cara-cara buatan mereka sendiri yang mereka agung-agungkan, kerana ia lebih mudah bagi mereka kerana ia tidak meletakkan mereka di bawah arahan pihak lain. Beliau berkata: Dan mereka itu kafir menurut pandanganku kerana cara-cara ini, seperti mengagungkan kubur dan memuliakannya dengan perkara-perkara yang dilarang oleh syarak seperti menyalakan api di atasnya, menciumnya, menghiasinya dengan minyak wangi, berbicara kepada orang mati meminta hajat, dan menulis nota-nota bertulis seperti: "Wahai tuanku, lakukanlah untukku sekian dan sekian", mengambil tanah kubur untuk keberkatan, mencurahkan minyak wangi atas kubur, mengadakan perjalanan khas kepadanya, dan menggantung kain pada pokok sebagai ikut-ikutan terhadap penyembah al-*Iāt* dan al-*Uzzā*. Kamu tidak akan dapati dalam kalangan mereka ini sesiapa pun yang benar-benar meneliti hukum zakat lalu bertanya tentang hukum yang wajib atasnya. Tetapi celakalah

sesiapa yang tidak mencium makam Kahf atau tidak menggosokkan dirinya pada sewaan Masjid al-Ma'mūniyyah pada hari Rabu..." (Ibn al-Jawzī, 2016:914).

Beliau juga berkata:

قد سمعنا منهم أن الدعاء عند حدو الحادي وعند حضور المخدة مجاب، وذلك أنهم يعتقدون أنه قربة يتقرب بها إلى الله تعالى، قال: وهذا كفر؛ لأن من اعتقد الحرام أو المكروه قربة كان بهذا الاعتقاد كافراً، قال: والناس بين تحريمه وكراهيته.

Terjemahan:

"Kami telah dengar daripada mereka bahawa doa ketika nyanyian unta (hādī) dan ketika hadirnya bantal (yakni saat-saat khurafat) adalah mustajab. Ini kerana mereka percaya bahawa ia adalah satu bentuk mendekatkan diri kepada Allah Ta'ālā. Beliau berkata: Ini adalah kekufuran, kerana sesiapa yang menganggap sesuatu yang haram atau makruh itu sebagai ibadah yang mendekatkan diri (kepada Allah), maka dia kafir kerana kepercayaan tersebut. Beliau berkata lagi: Manusia terbahagi antara yang mengharamkannya dan yang memakruhkannya." (Ibn al-Jawzī, 2016:357).

Ulasan dan analisis:

Kalam Ibn 'Aqil ini adalah antara pernyataan paling tegas dan jelas daripada ulama sebelum zaman Ibn Taimiyyah yang secara langsung menghukum kufur terhadap perbuatan *istighāthah* kepada orang mati. Beliau menyebut secara jelas bahawa berbicara kepada orang mati dan meminta hajat yang merupakan inti kepada *istighāthah* adalah perkara yang menyebabkan kekufuran, bukan sekadar bidaah atau kesalahan ringan.

Lebih daripada itu, beliau mengaitkan amalan tersebut dengan penyembahan berhala zaman *jahiliyyah* seperti al-Lāt dan al-'Uzzā. Ini menunjukkan dari sudut makna dan kesan, amalan tersebut termasuk dalam syirik besar yang dilarang oleh Islam. Ulasan ini secara langsung menepati pendekatan kedua dalam penilaian syirik terhadap *istighāthah*, iaitu kenyataan ulama yang terang-terangan menghukum kufur berdasarkan pengalihan bentuk ibadah, dalam hal ini doa dan permohonan kepada selain Allah pada perkara yang khusus bagi-Nya.

Kritikan Ibn 'Aqil juga tidak berdiri sendiri, kerana ia dinukil oleh tokoh selepasnya seperti Ibn al-Jawzī dalam, *Talbis al-Iblis* dan Ibn al-Qayyim dalam *Ighathah al-Lahfān*, yang turut mengulang kecaman tersebut dalam konteks mempertahankan kemurnian tauhid dalam berdoa.

4. ‘Abd al-Qādir al-Jilānī (w. 561H)

‘Abd al-Qādir al-Jilānī merupakan salah seorang tokoh ilmuwan dan sufi yang amat dihormati dalam sejarah Islam. Walaupun beliau sering dijadikan simbol oleh golongan yang cenderung kepada amalan *istighāthah* dengan wali, namun terdapat kalam beliau sendiri yang dengan tegas menolak permohonan kepada makhluk dalam perkara yang hanya menjadi hak Allah SWT. Beliau pernah berkata kepada anaknya ketika sakit sebelum wafatnya:

لا تخف أحداً ولا ترجمه، وأوكل الحوائج كلها إلى الله، واطلبها منه ولا تنق بأحد سوى الله عز وجل، ولا تعتمد إلا عليه سبحانه التوحيد التوحيد التوحيد. وجماع الكل التوحيد.

Terjemahan:

“Jangan kamu takut kepada sesiapa pun dan jangan kamu berharap kepada mereka. Serahkanlah seluruh hajat kepada Allah, dan mintalah hanya daripada-Nya. Jangan kamu percaya kepada sesiapa selain Allah ‘Azza wa Jalla, dan jangan kamu bergantung melainkan kepada-Nya semata-mata. Tauhid, tauhid, tauhid! Segala-galanya terang dalam tauhid.” (al-Jilani, 2007:373).

Dalam salah satu khutbahnya yang terkandung dalam kitab *al-Faṭḥ al-Rabbānī*, ‘Abd al-Qādir memberi amaran keras terhadap sikap mengadu dan merintih kepada makhluk dalam menghadapi musibah. Katanya:

يا من يشكو إلى الخلق مصائبه، إيش ينفعك شكاؤك إلى الخلق، لا ينفعونك ولا يضرونك، وإذا اعتمدت عليهم وأشرت في باب الحق عز وجل يبعدونك، وفي سخطه يوقعونك، وعنه يحجبونك.

Terjemahan:

"Wahai engkau yang mengadu kepada makhluk tentang musibah-musibahmu, apa gunanya aduanmu kepada makhluk? Mereka tidak memberi manfaat kepadamu dan tidak juga memberi mudarat kepadamu. Jika engkau bergantung kepada mereka dan berbuat syirik dalam perkara yang hak milik Allah Yang Maha Mulia lagi Maha Agung, mereka akan menjauhkanmu, mencampakkanmu ke dalam kemurkaan-Nya, dan mereka akan menghalangmu daripada-Nya." (al-Jilani, 2007:117-118).

Dalam bab doa beliau berkata:

لا تدعو مع الله أحداً كما قال : ﴿فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَداً﴾.

Terjemahan:

"Janganlah kamu berdoa bersama Allah kepada sesiapa pun, sebagaimana firman-Nya: {Maka janganlah kamu menyeru bersama Allah sesiapa pun}." (Surah al-Jin: 18)

Sambungannya lagi:

ينبغي لكل مسلم موحد أن لا يتكل إلا على الله، ولا يستغيث إلا بالله، ولا يعتقد التصرف إلا لله.

Terjemahan:

"Setiap Muslim yang bertauhid sepatutnya tidak bergantung melainkan hanya kepada Allah, tidak meminta pertolongan kecuali kepada Allah, dan tidak meyakini ada sesiapa yang berkuasa mentadbir (alam atau urusan) selain Allah" (al-Shuqayrī, 2001.2:376).

Ulasan dan analisis:

Pandangan ‘Abd al-Qādir al-Jīlānī di atas memperlihatkan prinsip tauhid yang sangat jelas dan tegas. Beliau tidak hanya menyuruh agar segala hajat diserahkan kepada Allah SWT semata-mata, bahkan menyifatkan bergantung kepada makhluk dalam urusan yang menjadi hak Allah sebagai syirik yang mengundang kemurkaan-Nya.

Ungkapan beliau "jika engkau bergantung kepada mereka dan berbuat syirik dalam perkara yang hak milik Allah..." secara langsung menyatakan memohon kepada makhluk dalam perkara khusus bagi Allah SWT adalah bentuk syirik yang membawa seseorang jauh daripada Allah. Ini selaras dengan pendekatan berbentuk kenyataan jelas para ulama dalam menghukum syirik terhadap *istighāthah* yang menjadikan makhluk sebagai tempat diminta hajat sekaligus melazimkannya memberi manfaat atau penyelamat dalam perkara yang Allah SWT sahaja mampu lakukan.

Lebih dari itu, kenyataan beliau "tidak *istighāthah* kecuali kepada Allah" menunjukkan bahawa beliau menjadikan *istighāthah* secara mutlak sebagai hak Allah SWT, bukan untuk dikongsi bersama makhluk yang hidup atau mati. Ini dengan sendirinya menolak amalan *istighāthah* kepada wali-wali atau orang mati, sekaligus menafikan bahawa al-Jīlānī mendukung amalan tersebut.

Maka pandangan beliau menjadi hujah yang sangat kuat bahawa ulama sebelum Ibn Taimiyyah telah terlebih dahulu melarang dan menghukum syirik terhadap *istighāthah* kepada makhluk dalam perkara yang menjadi hak khusus bagi Allah SWT.

5. Fakhr al-Dīn al-Rāzī (w. 606H)

Fakhr al-Rāzī, seorang ulama besar dalam bidang tafsir, kalam dan falsafah dalam salah satu komentarnya berkenaan sebab-sebab syirik masyarakat musyrikin dahulu, beliau membentangkan satu analisis penting yang mengaitkan amalan pengagungan terhadap kubur para wali dan tokoh agama dengan perbuatan kaum musyrikin menyembah berhala sebagai jalan untuk mendapatkan syafaat. Kenyataan ini menjadi kritikan jelas terhadap fenomena *istighāthah* dan tawassul yang melampau kepada wali-wali yang telah meninggal dunia.

Beliau berkata:

أنهم وضعوا هذه الأصنام والأوثان على صور أنبيائهم وأكابرهم وزعموا أنهم متى اشتغلوا بعبادة هذه التماثيل، فإن أولئك الأكابر تكون شفعاء لهم عند الله تعالى. ونظيره في هذا الزمان اشتغال كثير من الخلق بتعظيم قبور الأكابر على اعتقاد أنهم إذا عظموا قبورهم فإنهم يكونون شفعاء لهم عند الله.

Terjemahan:

"Sesungguhnya mereka membuat berhala dan patung itu menyerupai rupa para nabi dan tokoh besar mereka, dan mereka mendakwa bahawa apabila mereka menyibukkan diri menyembah patung-patung itu, maka para tokoh besar itu akan menjadi pemberi syafaat bagi mereka di sisi Allah. Perkara yang serupa pada zaman ini ialah apabila ramai manusia sibuk membesarkan kubur para tokoh, dengan kepercayaan bahawa jika mereka membesarkan kubur-kubur itu, maka para tokoh tersebut akan menjadi pemberi syafaat bagi mereka di sisi Allah." (al-Rāzī, n.d.17:227).

Ulasan dan analisis:

Sekalipun di sini al-Rāzī tidak secara langsung menyebut istilah *istighāthah*, kenyataan beliau secara jelas mengkritik tindakan membesarkan kubur para wali dengan kepercayaan bahawa mereka boleh menjadi perantara untuk syafaat. Ia merupakan satu kepercayaan yang menjadi asas kepada banyak bentuk *istighāthah* dalam masyarakat Islam kemudian khususnya di zaman beliau.

Apa yang terpenting ialah, beliau menyamakan perbuatan tersebut dengan perbuatan kaum musyrikin terdahulu, yang menjadikan berhala sebagai jalan perantara kepada orang-orang soleh. Ini menunjukkan bahawa pengagungan terhadap kubur disertai kepercayaan ghaib iaitu sebagai perantara terhadap penghuni kubur adalah bentuk syirik dari sudut hakikatnya.

Ini menjadikan pandangan al-Rāzī selari dengan pendekatan kedua ulama terdahulu dalam menghukum syirik terhadap *istighāthah*, iaitu:

- Ia membabitkan permintaan kepada makhluk yang telah mati dengan harapan mereka memberi syafaat secara langsung.
- Ia melibatkan pengalihan bentuk ibadah iaitu pengagungan dan permintaan kepada selain Allah.
- Ia menyerupai perbuatan orang musyrikin dari sudut maksud dan tujuannya, meskipun dalam bentuk yang berbeza seperti katanya: “perkara yang serupa pada zaman ini ialah apabila ramai manusia sibuk membesarkan kubur para tokoh, dengan kepercayaan bahawa jika mereka membesarkan kubur-kubur itu, maka para tokoh tersebut akan menjadi pemberi syafaat bagi mereka di sisi Allah”

Dengan itu, pandangan ini membuktikan bahawa Fakhr al-Dīn al-Rāzī bukan sahaja menolak *istighāthah*, malah dengan tegas menyamakannya dengan sebab utama kesyirikan orang musyrik terdahulu, yang membawa kepada syirik besar dalam tauhid ibadah.

6. Abū Syāmah al-Maqdisī al-Shāfi‘ī (w. 665H)

Abū Syāmah al-Maqdisī (al-Maqdisī, 1978:25) merupakan salah seorang tokoh terkemuka dalam kalangan ahli hadis bermazhab Shāfi‘ī dan antara murid terawal Imam al-Nawawī. Dalam karyanya *al-Bā‘ith ‘alā Inkār al-Bida’*, beliau menegaskan bahawa banyak amalan khurafat yang timbul dalam masyarakat, khususnya yang berkaitan dengan tempat dan tokoh yang dianggap suci, merupakan antara penyebab utama lahirnya unsur syirik dan kekufuran seperti yang pernah berlaku dalam sejarah umat terdahulu. Beliau secara terang mengaitkan fenomena pengagungan terhadap tempat-tempat tertentu kerana kaitannya dengan wali atau orang soleh dengan permulaan kepada penyembahan berhala sebagaimana berlaku terhadap kaum terdahulu.

Kata beliau:

ثم هذه البدع المستقبحة والمحدثات تنقسم قسمين: قسم تعرف العامة والخاصة أنه بدعة إما محرمة وإما مكروهة. وقسم يظنه معظمهم إلا من عصم عبادات وقربا وطاعات وسننا.

Terjemahan:

“Sesungguhnya bidaah-bidaah yang keji dan perkara-perkara baru (dalam agama) ini terbahagi kepada dua bahagian: satu bahagian yang diketahui oleh orang awam dan juga golongan khusus bahawa ia adalah bidaah, sama ada yang haram atau

yang makruh. Dan satu bahagian lagi yang disangkakan oleh kebanyakan mereka kecuali yang diberi perlindungan (oleh Allah) sebagai ibadah, bentuk taqarrub, ketaatan dan sunnah...”

فأما القسم الأول فلا نطيل بذكره؛ إذ قد كفينا مؤنة الكلام فيه لاعتراف فاعله أنه ليس من الدين.... وبهذه الطرق وأمثالها كان مبادئ ظهور الكفر من عبادة الأصنام وغيرها.

Terjemahan:

“Adapun bahagian pertama, maka kita tidak perlu memanjangkan perbicaraannya kerana telah mencukupi kita dari membicarakannya disebabkan pengakuan pelakunya sendiri bahawa ia bukan dari agama... Dengan cara-cara beginilah dan seumpamanya, permulaan kemunculan kekufuran berlaku seperti penyembahan berhala dan yang seumpama dengannya...”

ومن هذا القسم أيضا ما قد عم الابتلاء به من تزيين الشيطان للعامة تخليق الحيطان والعمد وسرح مواضع مخصومة في كل بلد يحكي لهم حاك أنه رأى في منامه بما أحدا ممن اشتهر بالصلاح والولاية، فيفعلون ذلك ويحافظون عليه مع تضييعهم فرائض الله تعالى وسننه ويظنون أنهم متقربون بذلك. ثم يتجاوزون هذا إلى أن يعظم وقع تلك الأماكن في قلوبهم فيعظمونها ويرجون الشفاء لمرضاهم وقضاء حوائجهم بالنذر لهم، وهي من بين عيون وشجر وحائط وحجر، وفي مدينة دمشق صانها الله تعالى من ذلك مواضع متعددة كعويمة الحمى خارج باب توما والعمود المخلق داخل باب الصغير والشجرة الملعونة اليابسة خارج باب النصر في نفس قارعة الطريق، سهل الله قطعها واجتثاثها من أصلها، فما أشبهها بذات أنواط الواردة في الحديث.

Terjemahan:

“Termasuk juga dalam bahagian ini adalah apa yang telah tersebar bala padanya, iaitu apabila syaitan menghias bagi orang awam perbuatan menghias dinding, tiang-tiang dan tempat-tempat tertentu di setiap negeri, di mana ada orang yang mendakwa bahawa dia melihat dalam mimpinya seseorang yang dikenali sebagai orang soleh atau wali pernah berada di situ. Maka mereka melakukannya dan berterusan menjaganya dalam masa yang sama mereka meninggalkan kewajiban terhadap Allah dan sunnah-sunnah-Nya, dan mereka menyangka bahawa mereka sedang mendekatkan diri (kepada Allah) dengan perbuatan itu. Kemudian mereka melampaui batas dalam hal itu hingga tempat-tempat itu menjadi besar dalam hati mereka, lalu mereka mengagungkannya dan berharap kesembuhan untuk orang sakit mereka dan penyelesaian hajat-hajat mereka dengan bernazar untuk tempat itu. Ia boleh jadi berupa mata air, pokok, dinding, atau batu. Dan di kota Damsyik semoga Allah melindunginya daripada perkara tersebut terdapat banyak tempat seperti itu: seperti ‘Awinah al-Humma di luar Bab Tuma, tiang

yang dihias di dalam Bab al-Saghir, dan pokok terkutuk yang kering di luar Bab al-Nasr di tengah jalan raya; semoga Allah memudahkan pemotongannya dan mencabutnya dari akarnya. Alangkah serupanya ia dengan Dhat Anwat yang disebut dalam hadis.”

Ulasan dan analisis:

Kritikan Abū Syāmah ini amat signifikan kerana beliau tidak sekadar mengecam bentuk zahir bidaah, tetapi menyelami akar umbi penyimpangan yang membawa kepada kekufuran, iaitu beribadah kepada selain Allah SWT. Tegas beliau, pengagungan terhadap tempat atau kubur, yang disertai dengan nazar dan memohon bantuan dalam perkara khusus bagi Allah SWT adalah sebahagian daripada jalan yang membawa kepada kekufuran, sama seperti penyembahan terhadap berhala.

Kenyataan beliau:

وبهذه الطرق وأمثالها كان مبادئ ظهور الكفر من عبادة الأصنام وغيرها

Terjemahan:

“Dengan cara-cara beginilah dan seumpamanya, permulaan kemunculan kekufuran berlaku seperti penyembahan berhala dan yang seumpama dengannya.”

Ini menunjukkan penegasan terus bahawa bentuk-bentuk *istighāthah* yang menghalakan permintaan kepada tempat atau wali adalah asal-usul kepada syirik umat terdahulu, dan tidak boleh dipandang ringan.

Oleh itu, pandangan beliau tidak hanya termasuk dalam pendekatan umum, tetapi secara jelas tergolong dalam pendekatan kedua, iaitu kenyataan ulama yang menegaskan bahawa amalan-amalan tertentu membawa kepada kekufuran. Dalam konteks ini, *istighāthah* kepada makhluk dalam bentuk pengagungan kepada kubur atau tempat suci dilihat sebagai pencabulan terhadap tauhid ibadah, dan menyerupai perbuatan kaum musyrikin yang dimurkai Allah SWT.

7. Abū ‘Abdillāh al-Qurṭubī (w. 671H)

Al-Qurṭubī adalah seorang imam besar dalam ilmu tafsir dan fiqh bermazhab Mālikī, terkenal dengan karya besarnya *al-Jāmi‘ li-Aḥkām al-Qur’ān*. Dalam tafsirnya, beliau menjelaskan dengan tegas prinsip-prinsip tauhid dalam aspek *du‘ā*, *isti‘ādhah*, dan *istighāthah*, serta menjelaskan secara terang bahawa menyeru makhluk dalam bentuk perlindungan adalah bentuk kesyirikan yang nyata. Penafsiran beliau terhadap beberapa ayat al-Quran menjadi dalil yang

kukuh bahawa beliau menghukum syirik dan kufur terhadap bentuk *istighāthah* yang melibatkan permohonan kepada makhluk dalam perkara khusus bagi Allah SWT.

Kata beliau:

ولا خفاء أن الاستعاذة بالجن دون الاستعاذة بالله كفر وشرك.

Terjemahan:

“Tidak tersembunyi lagi bahawa meminta perlindungan dengan jin selain daripada kepada Allah adalah kekufuran dan kesyirikan” (al-Qurṭubī, 1964.19:10).

Beliau juga berkata ketika menafsirkan firman Allah SWT:

﴿وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ﴾
 فدل هذا على أن الدعاء هو العبادة، وكذا قال أكثر المفسرين.

Terjemahan:

“Dan Tuhanmu berfirman: Berdoalah kepada-Ku, nescaya Aku berkenankan untuk kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombong diri daripada menyembah-Ku akan masuk neraka dalam keadaan hina” [Ghafir: 60]: *“Maka ayat ini menunjukkan bahawa doa itu adalah ibadah. Demikian juga pendapat kebanyakan ahli tafsir”* (al-Qurṭubī, 1964.15:326).

Beliau juga berkata ketika menafsirkan firman Allah SWT:

﴿إِنْ تَدْعُوهُمْ لَا يَسْمَعُوا دُعَاءَكُمْ وَلَوْ سَمِعُوا مَا اسْتَجَابُوا لَكُمْ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكْفُرُونَ بِشِرْكِكُمْ﴾ :
 قوله تعالى: ﴿إِنْ تَدْعُوهُمْ لَا يَسْمَعُوا دُعَاءَكُمْ﴾ أي إن تستغيثوا بهم في النوائب لا يسمعوا دعاءكم،
 لأنهم جمادات لا تبصر ولا تسمع. ﴿وَلَوْ سَمِعُوا مَا اسْتَجَابُوا لَكُمْ﴾ إذ ليس كل سامع ناطق.
 وقال قتادة: المعنى لو سمعوا لم ينفعوكم. وقيل: أي لو جعلنا لهم عقولا وحياة فسمعوا دعاءكم
 لكانوا أطوع لله منكم، ولما استجابوا لكم على الكفر.

Terjemahan:

“{Jika kamu menyeru mereka, mereka tidak mendengar seruan kamu; dan sekiranya mereka mendengar, mereka tidak dapat memperkenankan permintaan kamu. Dan pada hari kiamat nanti mereka akan mengingkari perbuatan syirik kamu}” [Fāṭir: 14]: *Firman Allah {Jika kamu menyeru mereka, mereka tidak mendengar seruan kamu}, maksudnya: Jika kamu memohon pertolongan kepada mereka ketika ditimpa musibah, mereka tidak mendengar seruan kamu kerana mereka hanyalah benda mati yang tidak melihat dan tidak mendengar. {Dan sekiranya mereka mendengar, mereka tidak memperkenankan permintaan*

kamu'} kerana tidak semua yang mendengar mampu memberi respons. Dan berkata Qatadah: Maksudnya ialah, sekiranya mereka dengar sekalipun, mereka tidak dapat memberi manfaat kepada kamu. Dan ada pendapat mengatakan: Maksudnya, walaupun Kami jadikan mereka berakal dan hidup, lalu mereka mendengar seruan kamu, nescaya mereka lebih taat kepada Allah daripada kamu, dan mereka tidak akan memperkenankan permintaan kamu untuk melakukan kekufuran."

﴿وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكْفُرُونَ بِشِرْكِكُمْ﴾ أي يجحدون أنكم عبدتموهم، ويتبرؤون منكم. ثم يجوز أن يرجع هذا إلى المعبودين مما يعقل، كالملائكة والجن والأنبياء والشياطين، أي يجحدون أن يكون ما فعلتموه حقاً، وأنهم أمروكم بعبادتهم، كما أخبر عن عيسى بقوله: ﴿مَا يَكُونُ لِي أَنْ أَقُولَ مَا لَيْسَ لِي بِحَقِّ﴾ ويجوز أن يندرج فيه الأصنام أيضاً، أي يحييها الله حتى تخبر أنها ليست أهلاً للعبادة.

Terjemahan:

"Dan pada Hari Kiamat mereka akan mengingkari perbuatan syirik kalian} yakni, mereka (makhluk-makhluk yang kalian sembah) akan mengingkari bahawa kalian pernah menyembah mereka dan mereka akan berlepas diri daripada kalian. Kemudian, boleh jadi ayat ini merujuk kepada makhluk-makhluk yang memiliki akal yang dijadikan sembah, seperti para malaikat, jin, nabi-nabi, dan syaitan-syaitan yakni mereka mengingkari bahawa perbuatan kalian itu benar, dan mereka tidak pernah menyuruh kalian menyembah mereka, sebagaimana yang dikhabarkan Allah tentang Nabi Isa melalui firman-Nya: {Tidak patut bagiku mengatakan sesuatu yang bukan hakku}. Dan boleh juga ayat ini mencakupi berhala-berhala yakni Allah akan menghidupkannya lalu ia menyatakan bahawa ia bukanlah layak untuk disembah" (al-Qurṭubī, 1964.14:336).

Ulasan dan analisis:

Pandangan al-Qurṭubī menggabungkan asas penting dalam hukum *istighāthah*:

1. Doa adalah ibadah, dan tidak boleh diberikan kepada selain Allah.
2. *Istī'ādhah* kepada makhluk adalah syirik.
3. *Istighāthah* kepada selain Allah yang tidak dapat mendengar atau menjawab permintaan, seperti orang mati, berhala, atau makhluk ghaib, adalah termasuk dalam syirik yang akan dinafikan dan dikutuk oleh makhluk itu sendiri pada Hari Kiamat.

Penegasan beliau bahawa "الاستعاذة بالجن... كفر وشرك" merupakan kenyataan jelas yang menempatkan pandangannya dalam pendekatan kedua: iaitu kenyataan ulama yang secara

langsung menghukum amalan tertentu sebagai syirik atau kufur. Ini bukan sekadar amaran atau analogi, tetapi penghukuman akidah yang jelas.

Tambahan pula, beliau menyatakan bahawa permohonan pertolongan kepada makhluk ghaib atau benda mati seperti berhala, adalah suatu kekufuran yang nyata, kerana ia merupakan bentuk ibadah (doa) yang dialihkan kepada selain Allah. Ini bertepatan dengan asas penolakan *istighāthah* dalam perkara yang khusus bagi Allah, sebagaimana yang ditegaskan dalam artikel ini.

RUMUSAN

Artikel ini menolak dakwaan bahawa Ibn Taimiyyah merupakan tokoh pertama yang menghukum amalan *istighāthah* kepada makhluk dalam perkara khusus bagi Allah sebagai syirik atau kufur. Melalui penyelidikan terhadap karya-karya para ulama dari kurun ketiga hingga ketujuh Hijrah, terbukti bahawa sejumlah besar tokoh ilmuwan Islam terdahulu telah lebih awal menetapkan bahawa perbuatan tersebut tergolong dalam syirik besar. Pandangan mereka ini lahir daripada kefahaman mendalam terhadap prinsip tauhid, definisi ibadah dan larangan memalingkan doa serta bentuk-bentuknya kepada selain Allah dalam hal-hal yang menjadi hak eksklusif-Nya seperti memberi manfaat, menolak mudarat, menyelamatkan dari bencana dan mengurniakan rezeki.

Para ulama seperti al-Khattabi, al-Qushayri, Ibn ‘Aqil, al-Jilani, Fakhr al-Din al-Razi, Abu Syamah al-Maqdisi dan al-Qurtubi telah menunjukkan secara lafaz yang jelas bahawa menyeru makhluk dalam urusan ketuhanan adalah satu bentuk penyimpangan akidah yang membawa kepada syirik dan kufur. Mereka menegaskan *istighāthah* kepada makhluk mati atau ghaib, walaupun atas alasan perantaraan, tetap bertentangan dengan tauhid ibadah dan menyamai perbuatan musyrikin terdahulu.

Dengan itu, artikel ini telah membuktikan bahawa pandangan Ibn Taimiyyah dalam isu ini sebenarnya sejajar dan berakar daripada tradisi ulama sebelumnya serta bukanlah satu pendekatan baharu yang terasing. Bahkan, ia merupakan lanjutan daripada manhaj al-Quran dan Sunnah yang konsisten dalam memelihara kesucian tauhid dan menutup segala pintu-pintu kepada kesyirikan. Kajian ini sekali gus memberikan pencerahan ilmiah terhadap polemik semasa dan menyeru kepada penilaian semula terhadap amalan-amalan yang berpotensi mencemari akidah umat Islam.

Walau bagaimanapun, kajian ini masih memiliki ruang untuk dikembangkan dari pelbagai sudut yang lain. Sebagai lanjutan daripada kajian ini, penyelidikan lanjutan disarankan untuk meneliti pandangan para ulama selepas era Ibn Taimiyyah yang turut mengulas atau memperincikan hukum berkaitan *istighāthah*, sama ada mereka menyokong pendirian Ibn Taimiyyah atau menawarkan nuansa yang berbeza dari sudut perincian hukum, dalil atau pendekatan metodologi. Perhatian khusus boleh diberikan kepada tokoh-tokoh seperti Ibn al-Qayyim, al-Dhahabi, Ibn Rajab al-Hanbali, al-Shawkani, dan al-San‘ani yang hidup selepas beliau dan memainkan peranan penting dalam mengembangkan, menyebarkan, atau menilai semula pandangan beliau.

Selain itu, kajian juga boleh diperluas kepada perbandingan antara pelbagai aliran teologi dalam Islam seperti perbandingan antara pendekatan Ahl al-Hadith, Asya‘irah, Māturīdiyyah dan tokoh-tokoh Sufi dalam menanggapi persoalan *istighāthah* kepada makhluk. Ini termasuk perbandingan prinsip-prinsip asas mereka dalam menilai tauhid, ibadah dan konsep perantaraan (tawassul), serta kesan daripada prinsip tersebut terhadap penetapan hukum syirik atau tidak terhadap sesuatu bentuk *istighāthah*.

Akhir sekali, cadangan yang penting juga adalah untuk membina kerangka metodologi penilaian terhadap amalan *istighāthah* yang lebih sistematik. Kerangka ini boleh disusun berdasarkan prinsip tauhid, sifat-sifat Allah SWT, syarat sah ibadah, dan kaedah pensabitan syirik menurut ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Dengan kerangka ini, sebarang bentuk *istighāthah* dapat dinilai secara objektif dan konsisten berdasarkan disiplin ilmu akidah, bukan semata-mata melalui pendekatan emosional atau tradisional.

Kajian-kajian lanjutan ini bukan sahaja akan meluaskan dimensi wacana keilmuan berkaitan isu *istighāthah*, tetapi juga menyumbang kepada pemurnian akidah umat Islam berdasarkan dalil yang sahih, prinsip yang mantap serta warisan keilmuan yang tersusun dalam sejarah Islam.

RUJUKAN

al-Subki, T. al-D. (2008). *Shifā’ al-saqām fī ziyārat Khayr al-anām* (H. M. ‘A. Shukri, Ed.). Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Ibrahim, M. Z. (2004). *Al-Ilhām wa al-Ifhām aw Qaḍāyā al-Wasīlah wa al-Qubūr fi Ḍaw' Samāḥat al-Islām* (M. al-D. H. Y. al-Mazūnī, Ed.). Mu'assasat Iḥyā' al-Turāth al-Ṣūfī.
- al-Tijānī, M. al-H. F. (2006). *al-Wahhābiyyah fi al-Mizān: Dirāsah Mawḍū'iyah li-'Aqā'id al-Wahhābiyyah 'alā Ḍaw' al-Kitāb wa al-Sunnah* (J. F. Zwalfqarī, Ed.). Dār al-Ṣidīq al-Akbar.
- al-Haddād, 'A. A. 'A. (2014). *Miṣbāḥ al-anām wa jilā' al-ḡalām* (Cet. baharu, edisi Makka al-Ḥaqīqah). Hakikat Kitabevi.
- Amīn, M. (n.d.). *Kashf al-Irīyāb fi Ittibā' Muḥammad ibn 'Abd al-Wahhāb* (Disunting oleh Ḥasan Amīn). Isfahan: Markaz al-Qā'imīyyah bi-Iṣfahān li-al-Taḥrīrāt al-Kumbyūtiyyah.
- Ibn al-'Arabī, A. B. M. A. (1996). *Ahkām al-Qurān* (tahqīq 'Alī al-Bijāwī). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-'Umayrī, S. 'A. al-R. (2022). *al-Maslak al-Rashīd ilā Sharḥ Kitāb al-Tawḥīd* (Jil. 2). Dār Madārij li-al-Nashr.
- Ibn Taymiyyah, A. ibn 'A. H. (2015). *Majmū' al-Fatāwā* (37 jil., I. ibn Muḥammad et al., Eds.). Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Ibn Taymiyyah, A. ibn 'A. H. (1426H). *al-Istighāthah fi al-Radd 'alā al-Bakrī* ('A. al-R. W. al-Shathrī, Ed.). Maktabat Dār al-Manhāj.
- Andirja, F. (2021). *Syarah Kitab Tauhid* (M. A. N. bin Ali, Ed.). UFA Office.
- al-Khaṭṭābī, Ḥ. ibn M. (1932). *Ma'ālim al-Sunan* (Sharḥ Sunan Abī Dāwūd) (Ṭab'ah 1, M. R. al-Ṭabbākh, Ed.). al-Maṭba'ah al-'Ilmiyyah.
- al-Qushayrī, 'A. al-K. ibn H. (n.d.). *Laṭā'if al-Ishārāt = Tafsīr al-Qushayrī* (I. al-Baysūnī, Ed.). al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb.
- Ibn al-Jawzī, A. A. R. ibn 'A. (2016). *Talbīs Iblīs* (A. 'U. al-Suḥaybānī, Ed.). Dār al-Diyār li-al-Nashr.
- al-Jilānī, 'A. al-Q. (2007). *al-Faḥ al-Rabbānī wa al-Fayḍ al-Raḥmānī*. Al-Kamel Verlag.

- al-Shuqayrī, M. ibn Muḥammad. (2001). *Ghāyat al-Amānī fī al-Radd ‘alā al-Nabhānī* (A. A. al-Ukhuwī, Ed.). Maktabat al-Rushd.
- al-Rāzī, F. al-D. M. ibn ‘U. (n.d.). *Maḥāṭib al-Ghayb = al-Tafsīr al-Kabīr* (Cet. 3). Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Ibn Fāris, A. ibn Z. al-Qazwīnī al-Rāzī, A. al-Ḥ. (1979). *Mu‘jam Maqāyīs al-Lughah* (‘A. al-S. M. Hārūn, Ed., Vols. 1–6). Dār al-Fikr.
- al-Qurṭubī, M. ibn A. A. (1964). *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’ān* (A. al-Bardūnī & I. Aṭfīsh, Eds., 2nd ed., Vols. 1–20). Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Muhammad, N. H. (2023). *Istighasah Antara Ahlussunnah dan Salafi Wahabi*. ARG Training & Consultancy.
- Rosmani, A. S., Haron, Z., Junaidi, J., Yusuf, F. M., Syukri, M., & Mashrom, Z. (2018). TAWASSUL DAN ISTIGHATHAH DENGAN NABI MUHAMMAD DALAM AMALAN. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies.*, 12(2), 22-33.
Didapatkan dari <http://al-qanatir.com>
- Ibrahim, B. (2022). *Kemunculan Golongan Quburiyah Di Yaman & Usaha Ulama Untuk Mengatasinya*. Manhaj Clear.
- Ibrahim, B. (2023). *Analisis Hujah Ahli Sufi Hadramaut Tentang Tauhid, Ibadah, Doa, Syafaat, Istighāthah dan Tawassul*. Manhaj Clear.